






Jenis-jenis Produk Kayu Hasilan Kilang Papan



Peta Lokasi



Alamat Syarikat


Syarikat Kilang Papan Maskayu Sdn Bhd
 LTS:2960, 12KM Jalan Labi.
 P.O.Box 297 Kuala Belait KA1189
 Negara Brunei Darussalam

Telefon : +673 333 9336
 Fax : +673 333 9338

كيلة قاشن مسكايو سنديرين برود

**KILANG PAPAN
 MASKAYU SDN BHD**

“Melayani
 Keperluan
 Produk Kayu
 Awda”




Pendahuluan

- ☉ Mula ditubuhkan di awal tahun 1940an di pinggir Sungai Belait dan beroperasi pembalakan di kawasan Hutan Paya Belait dengan menggunakan sistem kuda-kuda.
- ☉ Pada tahun 1980, Kilang Papan telah berpindah di Kawasan Sempadan Hutan Simpan Andaulau Jalan Labi disebabkan oleh masalah pencemaran habuk papan di Kawasan Bandaran Belait.
- ☉ Sekarang ini kerja-kerja pembalakan dilakukan di Kawasan Tanah Pamah Bukit antara Sungai Tutong dan Sungai Belait di luar kawasan Hutan Simpan.

Pentadbiran Dan Organisasi

- ☉ Kilang ini dikategorikan sebagai perusahaan kecil yang khusus mengusahakan pembalakan dan pemerosesan balak untuk dijadikan papan.
- ☉ Buat masa ini Syarikat telah melaburkan modal terkumpul sejumlah kira-kira \$2 juta bagi menampung keperluan infrastruktur, jentera pembalakan dan mesin pemerosesan kayu utama dan hiliran.
- ☉ Syarikat ini dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mula Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- ☉ Sekarang ini mempunyai pekerja sejumlah 30 orang dimana 11 orang daripadanya adalah pekerja tempatan yang kebanyakannya terbabit dalam hal ehwal penyeliaan dan pengurusan.



Operasi Pembalakan

- ☉ Mengamalkan sistem tebang memilih yang gunapakai oleh Jabatan Perhutanan demi memastikan kesinambungan bekalan balak yang berterusan.
- ☉ Sedang beroperasi di Kawasan Tanah Kerajaan yang dicadangkan untuk pembangunan Ladang Hutan di antara Sungai Tutong dan Sungai Belait.
- ☉ Syarikat ini diperuntukkan konsesi hutan seluas 100 hectares dan akan di sambung apabila pembalakan selesai dengan memenuhi peraturan pembalakan yang digariskan dalam akta perhutanan.
- ☉ Pengeluaran balak dikawal oleh Jabatan Perhutnan dimana pengagihan awal diberikan sejumlah 3000 cu.m dan kouta ini akan ditambah menurut pencapaian produktiviti. Namun di peringkat Negara kouta pembalakan telah dihadkan kepada maksimum 100,000 cu.m setahun.
- ☉ Semua pokok komersial yang mencapai saiz lilitan yang ditentukan dalam peraturan tebangan akan terlebih dahulu ditanda dan di inventori oleh Pihak Jabatan Perhutanan demi mengurangkan kesan kerosakan kepada dirian tinggal bagi keperluan pusingan kedua.
- ☉ Semua balak yang sudah ditebang akan disimpan di Kawasan "matau pembalakan" akan terlebih dahulu diukur bagi urusan tuntutan cukai mengikut class dan jenis pokok yang ditentukan dalam Akta Perhutanan sebelum dibenarkan diangkat ke Kilang Papan untuk diproses.

Kilang Papan

- ☉ Merupakan pusat utama pemerosesan balak untuk dijadikan pelbagai saiz papan untuk pasaran.
- ☉ Kilang papan menggunakan dua mesin pembelah gergaji gulung.
- ☉ Papan yang sudah dipotong akan disusun mengikut saiz dan jenis bagi memudahkan urusan pemasaran.
- ☉ Harga papan akan dipasarkan mengikut saiz dan jenis mengikut klasifikasi yang ditentukan dalam peraturan perhutanan.
- ☉ Papan yang sudah disusun akan melalui proses pengeringan.
 - a) Pengeringan udara terbuka.
 - b) Pengeringan menggunakan 'oven'.
- ☉ Secara "Ideal"nya papan yang dikeringkan seharusnya mencapai kandungan air yang optimal bagi memastikan ianya stabil dan tidak mengalami kesan renggangan apabila diguna pakai.
- ☉ Kayu laisan dan habuk papan akan dihimpun berasingan. Habuk papan akan dipasarkan bagi keperluan kegiatan pertanian. Sementara kayu laisan akan diproses bagi menghasilkan tatalan kayu (woodshaving). Kaedah ini dilakukan bagi mengurangkan kesan pembaziran sumber.



Industri Hiliran

- ☉ Papan yang sudah dikeringkan akan dijual terus bagi keperluan industri pembangunan.
- ☉ Namun bagi tujuan menambah nilai, Syarikat telah membuat pelaburan tambahan bagi memproses papan dan laisan kayu untuk industri hiliran.
- ☉ Pelbagai jenis kayu belarik telah dihasilkan dengan cuba memenuhi trend reka bentuk masakini untuk "skirting", lantai, dinding, "cornices", siling dan pelbagai janang pintu dan jandela.
- ☉ Namun begitu, pihak syarikat juga boleh menerima tempahan mengikut rekabentuk yang diajukan oleh pengguna tertakhluk kepada terdapatnya mata pisau yang ada.
- ☉ Produk terbaru yang dihasilkan ialah tatalan kayu (woodshaving) yang mana dihasratkan untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan pembaziran kayu.



- ☉ Laisan (offcut) kayu akan diproses di mesin "Shaver" untuk dijadikan "tatalan kayu" bagi memenuhi keperluan pengusaha ternakan ayam, pengurusan kuda dan bahan asas hortikultur.
- ☉ Buat masa ini pengeluaran produk tatalan kayu dapat dihasilkan sebanyak 2500 bag dalam sebulan. Namun pengeluaran ini akan dapat ditingkatkan sebanyak 4000 bag sebulan sekiranya terdapat tambahan permintaan.

